Anda harus menghubungi Jabatan Integriti dan Pematuhan untuk mendapatkan panduan dan kelulusan sebelum meneruskan acara tersebut, yang harus mengikut dasar Honeywell dan sekatan undang-undang tempatan.



KEPENTINGAN KEWANGAN

Sebagai pekerja Honeywell, kita secara umumnya hendaklah mengelakkan daripada berurusan perniagaan dengan sebarang syarikat di mana kita mempunyai kepentingan kewangan. Mungkin terdapat situasi di mana kepentingan kewangan peribadi kita dalam syarikat yang berurusan dengan Honeywell adalah dibenarkan. Walau bagaimanapun, situasi sedemikian harus disemak oleh Jabatan Undang-undang atau [Jabatan Integriti dan Pematuhan](#) untuk menentukan tindakan terbaik.

Selain itu, anda tidak boleh membeli atau memiliki kepentingan kewangan yang ketara dengan pelanggan, pesaing atau rakan kongsi perniagaan yang berurusan atau berpotensi melakukan perniagaan dengan Honeywell melainkan anda menerima kelulusan daripada Jabatan Undang-undang. Sentiasa pastikan anda dapat membuat keputusan perniagaan dengan kepentingan terbaik Honeywell dalam fikiran anda.

PEKERJAAN KEDUA

Dari semasa ke semasa, anda mungkin ingin terlibat dalam pekerjaan di luar Syarikat kami. Dalam melakukan sedemikian, anda mesti memastikan bahawa pekerjaan luar tidak mewujudkan sebarang konflik kepentingan. Namun begitu, pekerja dijangka menganggap kerja mereka untuk Honeywell sebagai pekerjaan utama mereka. Kita tidak boleh menggunakan harta ketara dan tidak ketara Honeywell, termasuk dokumen, aset Teknologi Maklumat, kemudahan dan harta intelektual untuk menjalankan perniagaan bukan Honeywell. Semua pekerjaan kedua harus didedahkan dengan memberitahu penyelia anda atau dengan mengisytiharkan perkara itu melalui [Portal Pengisytiharan Konflik Kepentingan](#).

Untuk mendapatkan maklumat lanjut, lihat

[Dasar Pekerjaan Kedua dan Perkhidmatan Organisasi Luar](#).

BAGAIMANA JIKA...?

Saya telah dijemput untuk menganggotai Lembaga Pengarah sebuah organisasi bukan mencari keuntungan tempatan yang mengitar semula dan membaik pulih elektronik terpakai untuk belia kurang bernasib baik. Tiada pertindihan dengan perniagaan Honeywell, dan tugas lembaga pengarah saya berlaku di luar waktu kerja Honeywell. Boleh saya sertai?

Ya. Walaupun tiada konflik langsung, anda mesti mendedahkan perkara ini kepada pengurus atau HR anda atau melalui Portal Penyerahan Konflik Kepentingan dan mendapatkan kelulusan sebelum turut serta. Anda harus memastikan aktiviti lembaga tidak mengganggu tugas Honeywell. Lihat [Dasar Pekerjaan Kedua dan Perkhidmatan Organisasi Luar](#).

BAGAIMANA JIKA...?

Saya melatih bola sepak di sebuah kolej komuniti. Saya mahu pasukan saya mara ke perlawanan akhir, namun saya juga dikejar tarikh akhir kerja yang ketat. Adakah saya boleh meminta orang bawahan langsung saya untuk membantu saya dengan logistik permainan akan datang?

Tidak. Menggunakan sumber Honeywell untuk kerja bimbingan luar adalah tidak sesuai dan menimbulkan konflik kepentingan. Anda harus memaklumkan kepada penyelia anda tentang aktiviti bimbingan anda dan pastikan ia tidak mengganggu tugas Honeywell anda.

PERNIAGAAN DENGAN RAKAN DAN AHLI KELUARGA

Hubungan perniagaan dengan ahli keluarga dan rakan boleh menyebabkan konflik kepentingan atau penampilan konflik. Atas sebab ini, anda tidak boleh langsung terlibat dalam atau cuba mempengaruhi pembidaan, perundingan atau proses kontrak antara diri anda, ahli keluarga atau rakan rapat dan Honeywell. Undang-undang ini turut terpakai dalam situasi tidak langsung yang menyaksikan anda, ahli keluarga atau rakan rapat anda memiliki atau bekerja bagi pihak syarikat lain yang Honeywell menjalankan atau mempertimbangkan untuk menjalankan perniagaan.

HUBUNGAN PELAPORAN YANG TIDAK WAJAR

Kita perlu mengelakkan perhubungan pelaporan yang tidak wajar. Hubungan ini boleh membawa kepada potensi pendedahan undang-undang untuk Syarikat dan persepsi tentang pilih kasih dan keutamaan di kalangan rakan sekerja yang terlibat, selalu membawa kepada persekitaran tempat kerja yang tidak sihat. Oleh sebab itu, kita tidak boleh menyelia secara langsung atau tidak langsung, mempengaruhi pampasan atau kemajuan kerjaya atau bekerja di bawah penyeliaan ahli keluarga atau seseorang yang mempunyai hubungan peribadi yang rapat, sama ada hubungan itu bersifat seksual atau sebaliknya.

FAEDAH PERIBADI YANG TIDAK WAJAR

Konflik kepentingan juga mungkin timbul apabila pengarah, pegawai atau pekerja, atau ahli keluarga terdekatnya, menerima faedah peribadi yang tidak wajar kerana jawatannya di Honeywell. Faedah tersebut mungkin termasuk hadiah atau pinjaman daripada entiti atau orang dengan siapa Syarikat kita mengurus niaga. Kita mesti mengelakkan daripada menerima faedah tidak wajar seperti itu.

Selain itu, konflik kepentingan timbul jika pekerja Honeywell membantu pesaing sehingga membawa keburukan terhadap Honeywell. Contohnya, menyediakan maklumat sulit kepada suami/isteri atau pasangan yang bekerja untuk pesaing boleh dianggap konflik kepentingan dan melanggar Tataniaga kita.

BAGAIMANA JIKA?

Saya ingin memesan alat ganti daripada syarikat sepupu saya untuk digunakan dalam produk Honeywell. Bolehkah saya melakukan ini?

Anda harus mendedahkan hubungan anda kepada penyelia anda dan menarik diri daripada sebarang keputusan. Jika syarikat sepupu anda memenuhi piawaian Honeywell, ia boleh bersaing secara adil untuk pesanan itu.

BAGAIMANA JIKA?

Saya perlu mengupah seseorang dengan cepat dan telah meminta sepupu saya yang sedang mencari pekerjaan untuk memohon. Adakah ini boleh diterima?

Ini mungkin kelihatan sebagai konflik kepentingan. Anda harus mendedahkan hubungan anda dan tidak terlibat dalam pengambilan pekerja. Proses pengambilan kakitangan dan pengurusan standard mesti dipatuhi.

BAGAIMANA JIKA?

Saya memulakan perniagaan saya sendiri dan perlu memahami butiran harga bakal pembekal kepada perniagaan saya. Adakah salah untuk menarik data harga beberapa pembekal berpotensi ini daripada sistem Honeywell?

Ya. Ia mewujudkan konflik kepentingan. Anda tidak boleh menggunakan maklumat Honeywell atau melakukan kerja untuk perniagaan peribadi di premis Honeywell atau semasa waktu kerja anda. Selain itu, anda tidak seharusnya menggunakan maklumat sulit pembekal Honeywell untuk tujuan yang tidak dibenarkan.

PELUANG KORPORAT

Untuk membuat keputusan perniagaan objektif bagi pihak Honeywell, kita tidak boleh bersaing dengan Syarikat kita sama sekali. Ini bermaksud kita tidak boleh mengambil sebarang peluang perniagaan atau pelaburan untuk diri kita sendiri yang kita dapati menerusi kedudukan kita di Honeywell atau menerusi harta atau maklumat Syarikat. Selain itu, kita tidak boleh langsung membantu orang lain mengambil peluang perniagaan atau pelaburan sedemikian untuk faedah peribadi. Ini termasuk ahli keluarga dan rakan-rakan kita.



MELINDUNGI HARTA DAN MAKLUMAT SYARIKAT

HARTA FIZIKAL HONEYWELL

Kecurian, kerosakan, kecuaiian dan pembaziran mempunyai impak langsung terhadap kejayaan Syarikat kita. Kita mesti komited dalam melindungi aset fizikal Syarikat kita daripada kecurian, kerosakan, kehilangan atau salah guna. Ini termasuk kemudahan kita, kenderaan, kelengkapan perniagaan, barangan dan bekalan. Jika anda mengesyaki sebarang bentuk penipuan atau kecurian, anda hendaklah melaporkannya kepada pengurus atau penyelia anda dengan segera.

Penggunaan peribadi dari semasa ke semasa yang dibenarkan untuk kelengkapan Syarikat tertentu, seperti telefon atau Internet, kadangkala adalah wajar. Walau bagaimanapun, kita mesti memastikan penggunaan peribadi kita adalah terhad, tidak mengganggu keupayaan kita melakukan kerja kita untuk Honeywell dan tidak melanggar dasar atau undang-undang Syarikat. Jangan gunakan harta Honeywell untuk keuntungan peribadi atau untuk orang atau organisasi lain. Anda juga mesti mengembalikan sebarang harta Syarikat yang anda miliki pada akhir pekerjaan anda.



MAKLUMAT SULIT HONEYWELL

Kita masing-masing diamanahkan dengan maklumat sulit Syarikat kita. Kita mesti melindungi maklumat sensitif ini pada setiap masa. Ini umumnya termasuk semua maklumat bukan awam yang mungkin akan digunakan oleh pesaing atau orang lain yang mungkin berbahaya kepada Syarikat jika didedahkan. Contohnya termasuk pelan perniagaan atau pemasaran, maklumat pembekal, reka bentuk produk, proses pengilangan, maklumat barangan sedia ada dan masa hadapan dan maklumat pekerja.

Kita tidak boleh membenarkan kakitangan yang tiada kebenaran untuk mengakses maklumat sulit Honeywell. Kita mesti berhati-hati untuk tidak menghilangkan, menyalah letak atau membiarkan maklumat sulit (atau teknologi yang mengandungi maklumat sedemikian termasuk komputer, komputer riba, telefon selular, peranti mudah alih dan perisian) tanpa pengawasan. Selain itu, jika kami kehilangan peralatan Syarikat atau item yang mengandungi maklumat sulit Honeywell (contohnya, komputer riba Honeywell, telefon atau sebagainya), kami harus melaporkan kehilangan tersebut dengan segera kepada [Honeywell Global Security](#).

Selain itu, kita tidak boleh membincangkan maklumat sulit Honeywell di tempat yang boleh didengari atau dilihat oleh mereka yang tidak mempunyai keperluan mendengarnya. Ini termasuk tempat awam seperti terminal lapangan terbang, kereta api dan restoran. Ini juga termasuk kawasan terbuka di Honeywell, seperti tandas dan bilik rehat Syarikat. Kita hanya boleh memberi akses kepada maklumat sulit kepada rakan sekerja yang mempunyai keperluan perniagaan yang sah untuk mengetahuinya. Kita tidak boleh menggunakan maklumat sulit langsung mengenai Syarikat untuk keuntungan peribadi atau mendedahkannya kepada orang lain untuk keuntungan mereka. Kita tidak harus sama sekali menghantar maklumat sulit Honeywell kepada akaun e-mel peribadi dan kita mesti memulangkan apa-apa maklumat sulit Honeywell dalam pegangan kita sebelum hari terakhir pekerjaan kita.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut, lihat

[Dasar Privasi Data](#)

[Dasar Klasifikasi dan Pengendalian Maklumat](#)

BAGAIMANA JIKA...?

Komputer riba saya telah dicuri apabila seseorang memecah masuk kenderaan saya. Apa yang patut saya buat?

Anda harus memfailkan laporan polis, memaklumkan kepada pengurus anda dan memfailkan borang [Kehilangan/Kecurian Laptop](#) atau menghubungi [Meja Perkhidmatan IT](#) untuk mendapatkan bantuan dalam memfailkan borang tersebut. Pekerja tidak boleh membiarkan peranti dalam kenderaan tanpa pengawasan walaupun berkunci.

Saya mengesyaki sistem saya telah digodam selepas mengklik pautan dalam e-mel yang kelihatan sah. Apa yang patut saya buat?

Anda harus menggunakan butang "Laporkan Mesej" pada bar alat Outlook anda untuk melaporkan e-mel tersebut atau jika tidak tersedia, menghantar e-mel yang dipersoalkan itu sebagai lampiran pada [CIRT](#) (Pasukan Respons Insiden Siber). Anda harus membawa insiden tersebut ke peringkat lebih tinggi dengan membalas respons e-mel automatik yang dihantar daripada peti mel [CIRT](#) dan menyalin kepada Security@Honeywell.com.



HARTA INTELEK HONEYWELL

Kami bekerja dengan gigit untuk melindungi harta intelek Syarikat kami. "Harta intelektual" termasuk sebarang paten, tanda dagangan, hak cipta atau aset tidak ketara Syarikat kita seperti idea, rekaan, proses atau reka bentuk yang dihasilkan dalam waktu Syarikat, menggunakan perbelanjaan Syarikat, menggunakan sumber Syarikat atau dalam skop tugas kerja kita. Kita akan mengenal pasti sebarang reka cipta baru yang kita hasilkan dan akan menghantarnya ke Jabatan Undang-Undang untuk paten, hak cipta atau perlindungan rahsia perdagangan. Anda harus melaporkan sebarang penyalahgunaan harta intelek Syarikat yang disyaki kepada Jabatan Undang-undang.

MENGHORMATI HAK HARTA INTELEK ORANG LAIN

Kami menghormati hak harta intelek orang lain. Ini bermaksud kita tidak boleh dengan sedar melanggar hak cipta, tanda dagangan atau paten orang lain. Kita tidak boleh memuat turun perisian tanpa lesen ke komputer Syarikat atau menduplikasi, menerbitkan atau mengedarkan bahan berhak cipta. Kita tidak boleh memuat turun lagu, foto dan video tanpa kebenaran daripada pemilik sah. Selain itu, kita tidak akan mendedahkan atau menggunakan maklumat sulit bekas majikan.

Lihat [Dasar Pelesenan Harta Intelek Honeywell](#) untuk mendapatkan butiran lanjut.

BAGAIMANA JIKA?

Saya sering bekerja dan menerima panggilan perniagaan di kawasan awam. Bolehkah saya membincangkan perniagaan Honeywell dengan cara ini?

Anda boleh menerima panggilan di tempat awam, tetapi anda tidak seharusnya membincangkan sebarang maklumat proprietari atau sulit.

Saya ingin menggunakan peranti saya untuk mengkaji dan bekerja pada dokumen berkaitan perniagaan semasa menggunakan pengangkutan awam. Adakah ini masalah?

Mungkin. Apabila menggunakan peranti syarikat di tempat awam untuk perniagaan Syarikat, anda mesti sentiasa melindungi skrin anda daripada orang luar. Anda juga mesti mengunci dan melindungi stesen kerja anda apabila tidak digunakan. Pastikan untuk melindungi sebarang sambungan ke Wi-Fi awam dengan menyambungkan peranti anda ke Rangkaian Peribadi Maya (VPN) anda.

MENGGUNAKAN SUMBER TEKNOLOGI MAKLUMAT

Honeywell menyediakan ramai daripada kita akses kepada pelbagai sistem komunikasi elektronik untuk digunakan dalam kerja harian kita. Ini termasuk komputer dan sistem telefon, komputer riba, telefon selular, peranti mudah alih dan perisian. Kita mempunyai tugas untuk melindungi sistem ini dan teknologi yang disediakan kepada kita pada setiap masa. Ini bermaksud kita mesti memainkan peranan kita untuk mengelakkan kerosakan, bahaya, kehilangan dan akses tidak dibenarkan kepada sumber ini. Pastikan untuk mengikut semua kaedah keselamatan dan kawalan dalaman yang ditetapkan untuk sumber yang anda gunakan. Sentiasa kunci dan lindungi stesen kerja, komputer riba atau peranti mudah alih anda jika dibiarkan tanpa pengawasan di tempat awam atau lokasi Honeywell walaupun untuk tempoh yang singkat. Lindungi kelayakan log masuk anda ke semua peranti dan akaun Honeywell. Jangan sekali-kali berkongsi kelayakan anda dengan ejen yang tiada kebenaran. Apabila diperlukan untuk berkongsi kata laluan anda dengan ejen yang dibenarkan bagi tujuan sokongan teknikal, menukar kata laluan anda dengan segera sebaik sahaja masalah teknikal anda telah diselesaikan.

Ingat bahawa mesej elektronik (seperti e-mel, pesanan segera dan mesej teks) adalah rekod kekal komunikasi anda. Komunikasi ini boleh diusik dan dimajukan tanpa kebenaran anda. Untuk sebab ini, pastikan anda berhati-hati semasa mendaftarkan apa-apa mesej atau surat elektronik pada kepala surat Syarikat atau semasa menggunakan sumber Honeywell.

Gunakan pertimbangan terbaik dan integriti semasa menggunakan sistem dan teknologi ini. Hanya gunakan sistem, peranti, media storan dan/atau perkhidmatan yang diluluskan untuk memproses, menyimpan atau menghantar maklumat Honeywell. Jangan pasang perisian yang tidak diluluskan pada komputer Honeywell, pelayan rangkaian atau sumber Maklumat Honeywell yang lain tanpa menerima kebenaran awal daripada IT Honeywell. Jangan setuju dengan mana-mana perjanjian pihak ketiga seperti perjanjian perkhidmatan awan atau klik lalu bagi pihak Honeywell. Jangan muat turun atau hantar bahan yang tidak sesuai, eksplisit seksual, haram atau menjelikkan melalui sumber ini. Anda juga tidak boleh menggunakan sumber ini untuk menjalankan kerja luaran. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang tempatan, anda tidak boleh mempunyai harapan terhadap privasi apabila menggunakan sumber Syarikat, kerana Honeywell mungkin memantau penggunaan peribadi anda bagi sumber Syarikat. Walau bagaimanapun, adalah penting untuk mengetahui bahawa Syarikat kita tidak akan mengganggu kehidupan peribadi kita melainkan kelakuan kita dilarang oleh undang-undang, menjejaskan prestasi kerja atau menjejaskan dengan teruk persekitaran kerja kita atau reputasi Honeywell.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut, lihat

[Dasar Penggunaan Maklumat yang Boleh Diterima.](#)

BAGAIMANA JIKA...?

Saya sedang bekerja dalam sebuah kedai kopi menggunakan peranti Honeywell. Selepas selesai bekerja, saya menyambung ke Wi-Fi peribadi untuk memuat turun rancangan TV kegemaran saya. Adakah ini sesuai?

Penggunaan terhad bukan perniagaan, yang bukan penyalahgunaan masa dan/atau sumber Syarikat dan mengikut semua dasar Honeywell boleh dibenarkan mengikut budi bicara pengurus. Pekerja harus sentiasa bertindak dengan cara yang beretika dan mengikut undang-undang serta sentiasa mendapatkan kebenaran pengurus untuk menggunakan aset Honeywell bagi kegunaan bukan perniagaan. Untuk mengelakkan ancaman keselamatan siber, jangan sekali-kali menggunakan rangkaian Wi-Fi awam terbuka kerana ini tidak dilindungi. Jika sambungan sedemikian adalah satu-satunya pilihan, VPN mesti digunakan.

Saya perlu berkongsi maklumat sensitif dengan pembekal untuk menyelesaikan projek, dan pembekal mencadangkan saya memuat naik fail ke sistem awan pihak ketiga. Apa yang patut saya buat?

Anda harus menggunakan kaedah pemindahan IT Honeywell yang diluluskan terlebih dahulu. Jika kaedah lain diperlukan, bekerjasama dengan IT Honeywell untuk mendapatkan kelulusan. Ambil perhatian bahawa data dikawal eksport dan terhad tidak boleh dialihkan ke mana-mana perkhidmatan awan. Hubungi [Pegawai Pematuhan Eksport](#) untuk mendapatkan panduan.

PENGUNAAN AI YANG BERTANGGUNGJAWAB

Honeywell komited terhadap penggunaan AI dan AI Generatif secara bertanggungjawab, dan kami menggabungkan prinsip akauntabiliti, keselamatan, kebolehpercayaan, keadilan, privasi, perlindungan harta intelek, ketelusan dan kelestarian untuk memaklumkan pembuatan keputusan merentas semua penggunaan AI di Honeywell. Walaupun Syarikat menggalakkan inovasi melalui penggunaan alatan AI, anda mesti mendapatkan kelulusan yang sesuai untuk kes penggunaan AI atau Gen AI baharu apabila diperlukan dan hanya menggunakan alatan AI yang dibenarkan yang disediakan kepada anda oleh Honeywell untuk tujuan kerja.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada

[Rangka Kerja Tadbir Urus AI Bertanggungjawab Honeywell](#)

[Dasar AI Bertanggungjawab Honeywell.](#)



BAGAIMANA JIKA...?

Saya ingin menggunakan alat AI untuk membantu saya dengan kerja saya, termasuk meringkaskan dan melakarkan e-mel kerja. Bolehkah saya melakukannya? Bolehkah saya menggunakan alamat e-mel atau akaun peribadi saya untuk mengakses alat GenAI awam untuk tujuan kerja?

Kami menggalakkan anda menggunakan AI untuk memaksimumkan inovasi dan memperoleh kecekapan selagi anda berbuat demikian dengan menggunakan alatan AI yang diluluskan oleh Honeywell seperti Microsoft 365 Copilot, yang boleh membantu anda meringkaskan dan mendraf e-mel. Alat lain yang diluluskan, seperti HON GPT, disenaraikan dalam [Standard AI Generatif](#). Anda **TIDAK** boleh menggunakan alat GenAI awam untuk tujuan kerja, dan juga tidak boleh memintas kawalan serta dasar keselamatan yang diwujudkan untuk melindungi data Honeywell, contohnya dengan menggunakan alamat e-mel atau akaun peribadi anda bagi tujuan kerja.

TAPAK MEDIA SOSIAL DAN RANGKAIAN

Media sosial telah mengubah cara ramai daripada kita berkongsi maklumat setiap hari. Walaupun media sosial mewujudkan peluang baru untuk komunikasi dan kerjasama, media sedemikian juga membawa tanggungjawab tambahan yang kita mesti tahu dan ikuti. Tapak “Media sosial” termasuk pelbagai jenis tapak web dan sumber dalam talian. Ini termasuk tapak rangkaian sosial (seperti Facebook, Twitter, Instagram, Snapchat, YouTube dan LinkedIn), blog, tapak perkongsian foto dan video, forum dan bilik bual dan pelbagai lagi. Jika jawatan anda di Honeywell memerlukan siaran di tapak sedemikian, sebagai wakil Honeywell, anda hanya boleh melakukan demikian untuk tujuan perniagaan Honeywell yang dibenarkan dan hanya menyiarkan maklumat yang mematuhi Tataniaga dan dasar Syarikat ini. Dalam interaksi peribadi “media sosial” anda, bertindak secara bertanggungjawab. Bahan yang anda siarkan boleh menjejaskan reputasi Honeywell. Berhati-hati untuk melindungi reputasi kita pada setiap masa. Jangan sekali-kali menyiarkan maklumat sulit tentang Honeywell atau rakan sekerja, pelanggan, pembekal atau rakan kongsi perniagaan kami di mana-mana laman web tersebut.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut, lihat

[Dasar Media Sosial](#)



BAGAIMANA JIKA...?

Saya teruja tentang projek perniagaan baharu yang berpotensi untuk Honeywell. Saya ingin berkongsi berita di akaun Facebook saya. Adakah ini masalah?

Ya. Pekerja Honeywell tidak dibenarkan berkongsi maklumat sulit atau hak milik berhubung potensi usaha niaga Syarikat di rangkaian media sosial mereka atau cara lain.

Saya sangat teruja dengan perjanjian perniagaan yang dipamerkan di laman web Honeywell. Saya ingin berkongsinya di akaun LinkedIn dan Twitter saya. Apakah cara yang betul untuk saya berkongsi berita ini dalam media sosial saya?

Jika anda menyenaraikan Honeywell sebagai majikan anda dan anda memasukkan pendedahan hubungan anda dengan Honeywell pada siaran anda, anda boleh berkongsi pautan ke artikel Honeywell.com. Anda juga boleh berkongsi apa-apa siaran yang muncul di saluran luar rasmi Honeywell.

Saya membaca artikel dalam talian yang mengandungi maklumat yang tidak tepat mengenai produk Honeywell. Saya segera memberikan respons di ruangan komen untuk membetulkan kenyataan tersebut. Adakah ia sesuai?

Anda tidak diberi kuasa untuk bercakap bagi pihak Honeywell. Sebaliknya, anda hendaklah memaklumkan kepada pengurus anda dan pasukan Komunikasi, yang akan menentukan sama ada dan cara untuk memberikan respons.



PERDAGANGAN ORANG DALAM

Dasar Honeywell menetapkan piawaian untuk pekerja dan orang lain yang mempunyai maklumat dalaman yang material dan melarang perdagangan orang dalam. Semasa menjalankan kerja anda dengan Honeywell, anda mungkin mengetahui tentang maklumat dalaman yang material mengenai Honeywell atau syarikat lain yang belum diketahui umum. Menggunakan maklumat ini atau menyampaikan maklumat ini kepada orang lain untuk keuntungan kewangan atau peribadi lain adalah pelanggaran dasar perdagangan orang dalam kami dan mungkin juga melanggar undang-undang sekuriti. Undang-undang sedemikian menjadikannya menyalahi undang-undang bagi mana-mana orang yang mempunyai "maklumat dalaman material" tentang syarikat untuk berdagang saham atau sekuriti lain syarikat itu atau untuk mendedahkan maklumat tersebut kepada orang lain yang mungkin berdagang. Pelanggaran undang-undang tersebut boleh mengakibatkan hukuman sivil dan jenayah.

CONTOH MAKLUMAT DALAMAN YANG PENTING

"Maklumat dalaman bahan" ialah maklumat yang biasanya tidak tersedia kepada orang awam yang melabur dan jika didedahkan, akan dijangka dapat menjejaskan harga saham atau akan mempengaruhi keputusan anda untuk membeli, menjual atau menyimpan saham. Contoh maklumat dalaman penting mungkin termasuk: pendapatan yang tidak diumumkan; penggabungan, pengambilalihan dan pelupusan; hasil litigasi utama; perubahan dalam kawalan; perubahan dalam pengurusan kanan; atau peristiwa keselamatan siber yang ketara. Senarai contoh ini tidak lengkap dan maklumat bahan dalaman mungkin timbul berhubung dengan peristiwa lain yang tidak disenaraikan di sini. Anda harus merujuk [Dasar Perdagangan Orang Dalam](#) untuk melihat perbincangan yang terperinci tentang maklumat dalaman penting.

Untuk mengelak daripada melanggar dasar perdagangan orang dalam dan undang-undang sekuriti kami, JANGAN:

- Membeli atau menjual saham dalam mana-mana syarikat atau mengesyorkan pembelian atau penjualan saham dalam mana-mana syarikat, termasuk Honeywell, sama ada secara langsung atau melalui ahli keluarga atau orang atau entiti lain, sekiranya anda mempunyai maklumat dalaman yang penting mengenai syarikat tersebut.
- Menyampaikan maklumat dalaman penting kepada orang lain di luar Syarikat melainkan perlu untuk aktiviti perniagaan Syarikat dan disampaikan di bawah perlindungan kerahsiaan.

Individu tertentu, kerana jawatan mereka dengan Syarikat (termasuk pengarah, pegawai Syarikat dan pekerja penting lain yang terlibat dalam aktiviti kewangan tertentu dan aktiviti ramalan lain), dilihat sebagai memiliki maklumat dalaman penting dan ditetapkan sebagai "orang dalam." Individu ini tertakluk pada sekatan tambahan (seperti kebenaran prakelulusan) yang diterangkan sepenuhnya dalam [Dasar Perdagangan Orang Dalam](#).

Jika anda mempunyai maklumat dalaman yang material tentang syarikat (termasuk Honeywell), anda hanya boleh berdagang dalam sekuriti syarikat tersebut sebaik sahaja maklumat itu tersedia secara terbuka kepada pelabur biasa melalui sumber media yang sesuai.

Jika anda mempunyai soalan atau memerlukan bimbingan dalam bidang ini, sila rujuk Jabatan Undang-undang.

ONE HONEYWELL CARA KIRA MENYANTUNI PELANGGAN KITA

Membina hubungan yang saling menguntungkan dengan pelanggan kita adalah penting untuk kejayaan kita sebagai sebuah Syarikat. Mengekalkan perhubungan sedemikian memerlukan kita menyediakan produk yang selamat dan berkualiti dan menegakkan undang-undang dalam semua interaksi kita dengan klien komersial dan kerajaan.





MENYEDIKAN PRODUK DAN PERKHIDMATAN BERKUALITI

Kami berusaha untuk menyediakan produk dan perkhidmatan yang memenuhi atau melebihi keperluan pelanggan kami untuk kualiti, kebolehpercayaan dan nilai.

Kita diharapkan untuk mematuhi semua standard kawalan kualiti yang mentadbir tugas kerja kita. Ini termasuk undang-undang dan peraturan yang berkenaan, dan juga prosedur kawalan dalaman yang direka bentuk untuk menggalakkan pengilangan barangan yang selamat dan berkualiti. Kita juga diharapkan untuk mematuhi semua spesifikasi kontrak dan menunaikan spesifikasi terbina dalam klien pada setiap masa.

Selain memastikan diri kita bertanggungjawab terhadap barangan dan perkhidmatan yang berkualiti, kita juga mesti memastikan pembekal dan rakan kongsi perniagaan lain bertanggungjawab untuk memastikan kualiti produk dan perkhidmatan yang mereka sediakan kepada kita.

BAGAIMANA JIKA?

Saya menemui masalah keselamatan produk yang berpotensi semasa ujian rutin barisan pengeluaran. Perlukah saya bercakap tentang perkara ini, walaupun saya tidak tahu semua butirannya?

Ya. Menghasilkan dan menjual produk yang berpotensi tidak selamat boleh mengakibatkan kecederaan. Anda harus melaporkan masalah dengan segera, walaupun anda tidak pasti sama ada ia adalah isu. Anda hendaklah menjadikan penyelia anda, orang hubungan jaminan kualiti atau wakil kesihatan dan keselamatan sedar mengenai isu ini secepat mungkin. Jika anda percaya kebimbangan anda tidak dipertimbangkan dengan sewajarnya, anda hendaklah melaporkan kebimbangan tersebut kepada Jabatan Undang-Undang atau melalui Talian Bantuan Integriti ACCESS, seperti yang dibincangkan dalam "[Saluran Pelaporan](#)."

MENCARI PERNIAGAAN SECARA TERBUKA DAN JUJUR

Tindakan kita dalam pasaran mentakrifkan siapa kita sebagai sebuah syarikat. Dengan bersaing pada kualiti barangan dan perkhidmatan kita, kita menegakkan reputasi Honeywell. Kita tidak akan cuba menghadkan peluang persaingan pesaing kita secara memperdayakan atau penipuan.

Selain itu, kita langsung tidak mempergunakan sesiapa pun menerusi amalan urusan yang tidak adil. Ini bermaksud kita berhati-hati untuk tidak

menyalahgambarkan kualiti, ciri atau ketersediaan produk atau perkhidmatan kita. Selain itu, kita tidak memperkecilkan atau membuat kenyataan tidak benar mengenai produk atau perkhidmatan pesaing kita. Kita berusaha untuk memenangi perniagaan berdasarkan pada kualiti produk dan warga kita, bukannya menerusi cara yang tidak wajar.

TIADA RASUAH KOMERSIAL DAN TIADA BAYARAN TIDAK WAJAR KEPADA PEGAWAI KERAJAAN

Kita tidak seharusnya meminta, memberi atau menerima rasuah komersial atau sogokan haram. Kita hendaklah berhati-hati untuk mengelakkan wujudkan gambaran kelakuan tidak wajar sedemikian. "Rasuah komersial" biasanya termasuk sebarang situasi di mana pekerja Honeywell atau sesiapa yang bertindak bagi pihak Honeywell menawarkan atau memberi sesuatu yang bernilai dengan niat untuk mempengaruhi tindakan atau keputusan perniagaan secara tidak wajar. "Sogokan" haram biasanya termasuk sebarang situasi di mana pekerja menerima faedah peribadi tidak wajar sebagai pertukaran daripada mengambil atau tidak mengambil tindakan bagi pihak Honeywell. Honeywell tidak akan mentoleransi rasuah komersial atau sogokan haram, sama ada ia dijalankan terus atau menerusi pihak ketiga.

Selain mengelakkan rasuah komersial dan sogokan haram, kita mematuhi semua undang-undang antirasuah yang berkuat kuasa berkenaan dengan pembayaran tidak wajar kepada pegawai kerajaan. "Pembayaran tidak wajar" termasuk pembayaran langsung dan tidak langsung, pembayaran pemudahan atau tawaran, janji atau kebenaran untuk pembayaran atau apa-apa yang bernilai kepada pegawai kerajaan untuk tujuan mempengaruhi tindakan atau keputusan

kerajaan secara tidak wajar untuk mendapatkan atau mengekalkan perniagaan atau sebaliknya menjamin kelebihan perniagaan. Ambil perhatian bahawa pembayaran tidak wajar boleh dalam bentuk tunai, hadiah atau hiburan mewah.

“Pegawai kerajaan” termasuk pegawai entiti kerajaan, organisasi antarabangsa dan parti politik, pekerja syarikat milik kerajaan dan malahan pekerjaan syarikat yang dimiliki atau dikawal oleh kerajaan dan rakan kongsi usaha sama.

Honeywell melarang pembayaran tidak wajar kepada pegawai kerajaan. Penting untuk mengingatkan bahawa terlibat dalam rasuah, walaupun kelihatan seperti terlibat dalam aktiviti sedemikian, boleh mendedahkan anda dan Honeywell kepada liabiliti jenayah.

Jangan gunakan khidmat pihak ketiga untuk membuat pembayaran tidak wajar kepada pegawai kerajaan atau memasuki sebarang transaksi di mana anda mengesyaki pihak ketiga membuat pembayaran sedemikian. Melakukan sedemikian melanggar Tataniaga kita dan undang-undang antirasuah. Kita mesti menapis dengan teliti semua pihak ketiga menggunakan prosedur usaha wajar kita sebelum melantik mereka.

Sebarang kebimbangan yang berkaitan dengan topik ini hendaklah dibangkitkan melalui saluran yang betul, termasuk secara langsung dengan sumber Integriti dan Pematuhan Serantau di rantau anda.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut, sila lihat

[Dasar Antirasuah](#)

dan bahagian “[Hadiah dan Hiburan Perniagaan](#)” Tatakelakuan kita.

BAGAIMANA JIKA...?

Saya ingin melantik Syarikat Wakil Jualan sebagai wakil jualan untuk membantu Honeywell memenangi projek baharu dalam industri minyak dan gas. Saya mendapat tahu bahawa pemilik Sales Rep Co juga merupakan ahli lembaga syarikat minyak dan gas milik kerajaan, bakal pelanggan utama saya. Saya berpendapat perkara ini memberi manfaat kepada Honeywell memandangkan pemilik akan berpeluang mendapat akses di semua peringkat pelanggan. Adakah terdapat apa-apa yang perlu saya bimbangkan?

Ya, terdapat potensi konflik kepentingan yang berkaitan dengan pertindihan tugas rasmi pemilik Sales Rep Co dengan tugas Sales Rep Co. kepada Honeywell. Anda mesti segera menghubungi Jabatan Integriti dan Pematuhan. Selain itu, Honeywell melarang struktur pampasan berasaskan komisen untuk wakil jualan kecuali (i) dikehendaki di bawah undang-undang tempatan, dan (ii) diluluskan oleh Jabatan Integriti dan Pematuhan.

Saya sedang menunggu untuk memasuki sebuah negara apabila pegawai imigresen meminta saya memberikan ‘sumbangan’ agar visa saya dapat diproses. Saya mendengar bahawa ini adalah norma dan pelawat memberikan sejumlah kecil untuk mempercepatkan proses. Saya membayar ‘derma’ kepada pegawai itu, dan dia mengecop pasport saya. Bolehkah saya mendapatkan bayaran balik daripada Honeywell?

Tidak, dalam kes ini, nyawa anda tidak dalam bahaya, jadi anda sepatutnya tidak membayar dan tidak boleh menuntut wang kembali daripada Honeywell. Bayaran pemudahan atau bayaran kepada pegawai untuk mempercepatkan kelulusan rutin kerajaan adalah dilarang oleh Honeywell melainkan nyawa pekerja berada dalam bahaya. Bayaran sedemikian merupakan satu pelanggaran undang-undang antirasuah di kebanyakan negara. Dalam situasi sebegini, pekerja Honeywell hendaklah menghubungi bahagian Keselamatan Global atau Jabatan Integriti dan Pematuhan.

PEMATUHAN UNDANG-UNDANG PERSAINGAN ANTARABANGSA

Persaingan adil mewujudkan pasaran yang sihat. Ia menjamin klien kita produk dan perkhidmatan yang terbaik dan paling inovatif pada harga terendah. Supaya Honeywell dapat bersaing secara sah dan dengan integriti, kita mesti mematuhi undang-undang persaingan yang telah ditetapkan di negara-negara di mana kita mengurus niaga. Jika undang-undang persaingan digunakan pada fungsi tugas anda, anda mesti mengetahui dan mematuhiinya pada setiap masa.

Undang-undang persaingan adalah sering kali kompleks dan biasanya menghalang perbincangan sebarang topik dengan pesaing yang boleh mengekang perdagangan. Topik sedemikian termasuk (tetapi tidak terhad kepada) penetapan harga secara haram, menipu pembidaan atau membahagikan atau memperuntukkan pasaran, wilayah atau klien. Anda tidak boleh membincangkan mana-mana topik ini dengan pesaing dan jika pesaing cuba membincangkan mana-mana topik ini dengan anda, anda mesti menghentikan perbualan tersebut dengan segera. Kemudian, anda hendaklah melaporkan insiden ini kepada penyelia tempatan anda, yang akan bekerjasama dengan anda dan merujuk kepada Jabatan Undang-undang kita. Jika anda menghadiri mesyuarat persatuan perdagangan atau acara sosial contohnya, sentiasa berhati-hati semasa berbincang dengan pesaing.

Selain itu, undang-undang persaingan melarang perjanjian formal atau tidak formal bersama pembekal, pengedar atau klien yang

boleh membataskan persaingan. Perjanjian sedemikian mungkin termasuk mengikat barangan, menetapkan harga jualan semula atau enggan menjual kepada klien tertentu atau membeli daripada pembekal tertentu.

Akhirnya, undang-undang persaingan melarang perjanjian secara langsung atau tidak langsung, rasmi atau tidak rasmi antara atau di antara syarikat-syarikat untuk menghadkan gaji atau faedah pekerja. Sehubungan itu, kita mesti berhati-hati untuk tidak berkongsi data pampasan dengan syarikat lain yang bersaing dengan kita dalam pencarian bakat. Begitu juga, kita juga secara umumnya tidak bersetuju dengan syarikat lain untuk tidak mendapatkan atau mengupah pekerja masing-masing. Sekiranya anda tidak pasti sama ada sebarang perkongsian maklumat atau perjanjian "tidak menggaji" adalah salah, sila rujuk Jabatan Undang-undang.

Menerusi kerja kita, kita boleh mendapatkan maklumat pesaing daripada pelanggan kita atau sumber awam yang lain. Kita mesti sangat berhati-hati untuk mengendalikan maklumat ini menurut dasar Syarikat.

Sila ambil perhatian bahawa melanggar undang-undang ini boleh mengenakan terhadap individu yang terlibat dan Syarikat kita akibat yang buruk.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut, sila lihat

[Dasar Pematuhan Persaingan](#). Jika anda mempunyai sebarang soalan tambahan, dapatkan bimbingan daripada Jabatan Undang-undang kami sebelum bertindak.

BAGAIMANA JIKA?

Rakan saya bekerja untuk pesaing Honeywell. Dia mendedahkan kepada saya hasrat syarikatnya untuk menaikkan harga produk yang bersaing secara langsung dengan Honeywell. Saya rasa maklumat ini mungkin penting untuk digunakan oleh Honeywell dalam membuat keputusan perniagaan masa hadapan. Apa yang patut saya buat?

Anda harus menamatkan perbualan dengan segera dan memberikan ringkasan bertulis kepada Jabatan Undang-undang. Melibatkan diri dalam perbincangan dengan pesaing mengenai maklumat sensitif persaingan yang bukan umum boleh menimbulkan kesan perjanjian yang tidak sah dan antipersaingan antara syarikat, yang boleh membawa akibat yang serius kepada semua yang terlibat, termasuk menyediakan bukti ikut keadaan tentang konspirasi

MENGIKUTI PROSEDUR PENGEBILAN DENGAN TEPAT

Reputasi kami di pasaran adalah aset penting Syarikat. Untuk alasan tersebut, kita tunjukkan dengan tepat pada semua invois kepada pelanggan harga jualan atau kos barangan atau perkhidmatan yang dijual dan terma jualan lain. Setiap daripada kita mempunyai tanggungjawab untuk mengekalkan rekod yang tepat dan lengkap untuk membolehkan Honeywell menegakkan komitmen ini. Jangan sekali-kali memalsukan sebarang rekod – kad masa, laporan perbelanjaan, nombor jualan, rekod ujian atau kualiti, atau apa-apa jenis rekod lain yang dicipta semasa menjalankan kerja anda untuk Syarikat kami – atau membuat catatan yang mengelirukan atau tiruan pada buku atau rekod Honeywell.

MENGHORMATI MAKLUMAT SULIT PELANGGAN

Kadangkala, pelanggan kita mungkin berkongsi maklumat sulit mereka bersama kita supaya kita boleh menyediakan mereka produk dan perkhidmatan. Adalah menjadi tanggungjawab kita untuk menggunakan, menyimpan dan melindungi dengan cermat sebarang maklumat sedemikian dalam keadaan yang mematuhi semua undang-undang yang berkenaan. Kita mesti mengambil langkah-langkah yang perlu untuk melindungi maklumat ini dan memastikan ia digunakan hanya untuk tujuan perniagaan yang dibenarkan.

BERINTERAKSI DENGAN PELANGGAN KERAJAAN

Untuk sesetengah daripada kita, kerja kita melibatkan kontrak dengan entiti kerajaan, termasuk syarikat yang dimiliki atau dikawal oleh syarikat. Dalam keadaan ini, kita mempunyai tugas untuk mengetahui dan mematuhi dasar Syarikat yang berkenaan dan undang-undang, peraturan dan kawal selia yang telah diwujudkan yang mentadbir interaksi kita dengan pelanggan kerajaan. Penting untuk mengambil perhatian bahawa peraturan ini mungkin lebih ketat dan lebih rumit berbanding yang mentadbir urusan kita dengan pelanggan komersial.

Kita mesti sentiasa bertindak dengan penuh jujur dan integriti apabila cuba memenangi kerja kerajaan. Ini bermaksud, sebahagiannya, bahawa:

- Kita tidak boleh mengambil tindakan yang akan memberi Honeywell kelebihan persaingan yang tidak adil, seperti mendapatkan atau menggunakan maklumat pemerolehan sensitif.
- Semua perwakilan yang kita buat, termasuk harga dan bida mestilah tepat dan lengkap.
- Kita tidak boleh menawarkan, meminta, menjanjikan, memberi atau menerima sebarang bentuk rasuah atau sogokan kepada atau daripada bakal pelanggan kerajaan sebenar atau berpotensi.
- Kita tidak boleh meminta, atau menerima sebarang bentuk rasuah atau hadiah daripada pembekal sebagai ganti kepada layanan keutamaan dalam pemberian atau pelaksanaan kontrak kerajaan.

- Kita mesti memastikan kita hanya menggunakan perunding yang bereputasi, ejen jualan atau kontraktor bebas perkhidmatan profesional lain untuk tujuan undang-undang yang sah.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut, sila lihat

Bahagian “Tiada Rasuah Komersial dan Tiada Pembayaran yang Tidak Wajar kepada Pegawai Kerajaan” Tatakelakuan kita dan dasar [Kesantunan Perniagaan untuk Pegawai Kerajaan A.S.](#), [Hubungan Kerajaan](#) dan [Antirasuah](#).



Semua penyata dan rekod yang kami berikan kepada pelanggan kerajaan (termasuk laporan kemudahan dan kualiti serta data kos dan harga) mestilah tepat. Kita mesti rekodkan masa kita dengan tepat dan kenal pasti dan peruntukkan masa kita hanya terhadap projek pada mana kita bekerja. Selain itu, kita mesti berhati-hati untuk mengelakkan daripada salah caj sebarang kos. Kita mesti mengikuti semua terma kontrak dan tidak boleh menggunakan harta kerajaan, kelengkapan atau bekalan dalam keadaan yang konsisten dengan undang-undang atau perjanjian kontrak berkenaan.

Kita mesti mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang berkenaan yang mentadbir bagaimana kita melibatkan pegawai kerajaan semasa atau bekas pegawai dalam perbincangan mengenai potensi peluang kerja dengan Honeywell. Setiap daripada kita bertanggungjawab untuk mengelakkan jenis konflik kepentingan seperti ini. Menghubungi atau melibatkan perbincangan berkaitan pekerja dengan pegawai kerajaan semasa atau bekas pegawai adalah tertakluk pada peraturan dan prosedur unik. Peraturan ini juga mungkin mengehadkan kerja yang dilakukan oleh bekas pegawai kerajaan bagi pihak Syarikat kita.

Sila rujuk [Dasar Pengambilan Pekerja atau Pengambilan Khidmat Bekas Kakitangan Kerajaan](#) kita.

Kita juga diharapkan melindungi maklumat sulit dan maklumat sensitif yang lain yang kita peroleh berhubungan dengan kerja yang kita lakukan untuk klien kerajaan kita. Seperti yang diperlukan oleh terma kontrak kerajaan kita dan peraturan berkenaan yang lain, kita menjadikan maklumat ini tersedia hanya kepada mereka yang mempunyai

keperluan perniagaan untuk mengetahuinya dan yang telah mendapatkan pelepasan kerajaan yang sewajarnya atau kelulusan lain. Kami tidak boleh berkongsi, mengedarkan atau mendedahkan maklumat kerajaan yang dirahsiakan atau sebaliknya sensitif dengan cara yang akan melanggar terma kontrak kerajaan kami.



ONE HONEYWELL CARA KIRA MENYANTUNI PELANGGAN KITA

Pembekal Honeywell ialah rakan kongsi kami dalam usaha berterusan kami untuk kepuasan pelanggan. Bahan, barangan dan perkhidmatan yang berkaliber tinggi yang mereka sediakan dikaitkan secara langsung dengan kualiti, kebolehpercayaan, nilai dan penghantaran segera produk Honeywell kepada pelanggan kami.



MENDAPATKAN PERHUBUNGAN PEMBEKAL JANGKA PANJANG

Bersama-sama, kita berusaha untuk membina perhubungan jangka panjang dengan pembekal kita. Kita hanya menggunakan kriteria sah berkaitan dengan perniagaan yang sah apabila memilih pembekal. Syarikat kita akan menyertai perjanjian perwakilan atau pembekal hanya dengan syarikat yang dipercayai menunjukkan rekod dan komitmen terhadap integriti.

Selain itu, kita tidak sama sekali mengambil kesempatan yang tidak adil terhadap pembekal kita menerusi penyalahgunaan maklumat sulit, menyalahgambarkan fakta penting atau sebarang amalan urusan yang tidak adil.

Di Honeywell, kita membenarkan pembekal untuk bersaing secara adil terhadap kualiti produk dan perkhidmatan mereka. Kita tidak akan dipengaruhi oleh hadiah atau bantuan dalam sebarang bentuk daripada pembekal kita atau potensi pembekal. Pertemuan makan atau hiburan sekali skala dalam perhubungan biasa perniagaan mungkin dibenarkan, asalkan:

- Wakil pembekal hadir sama.
- Hospitaliti sedemikian tidak berlebihan atau luar biasa.
- Hospitaliti mematuhi undang-undang berkenaan dan sebaliknya tidak dilarang oleh Tataniaga ini.

Selain itu, apabila boleh dilakukan, hospitaliti hendaklah dibalas balik.

Untuk maklumat lanjut, lihat

Bahagian "[Hadiah dan Hiburan Perniagaan](#)" dan "[Berinteraksi dengan Pelanggan Kerajaan](#)" Tatakelakuan kita.

MELINDUNGI ASET PEMBEKAL

Kita mengendalikan maklumat sulit pembekal dengan penuh cermat sama seperti mengendalikan maklumat sulit Honeywell. Kita tidak akan menghasilkan semula perisian yang dibekalkan kepada kita oleh pembekal atau menggabungkannya ke dalam perisian yang dibangunkan oleh kita sendiri secara dalaman melainkan dibenarkan secara jelas untuk berbuat demikian di bawah lesen.



ONE HONEYWELL CARA KAMI MELAYAN PEMILIK SAHAM KAMI

Di Honeywell, kami berusaha setiap hari untuk membina nilai bagi pemilik saham yang telah meletakkan kepercayaan mereka kepada Syarikat kami dan kepada setiap daripada kami. Untuk mencapai matlamat ini dan mewujudkan nilai untuk pemilik saham kita, kita mesti berurus niaga secara telus dan integriti.



BUKU KIRA-KIRA DAN REKOD YANG JUJUR DAN TEPAT

Pemilik saham kami bergantung kepada kami untuk mengekalkan buku dan rekod yang tepat dan lengkap. Dokumen ini membentuk asas terhadap semua pendedahan dan pemfailan awam kita, yang bertujuan untuk memberi pemilik saham kita dan orang awam gambaran tempat tentang operasi dan kedudukan kewangan Syarikat kita. Selain itu, Honeywell menggunakan dokumen ini untuk menganalisis operasi Syarikat dan membuat keputusan perniagaan penting.

Kita mempunyai tugas dan kewajipan untuk memastikan bahawa maklumat yang kita hantar dalam semua rekod Syarikat adalah lengkap, tepat dan boleh difahami. Ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada, semua maklumat yang kita sediakan dalam rekod berikut:

- Rekod perakaunan dan kewangan
- Dokumen senarai gaji
- Kad masa dan sistem perakaman masa
- Laporan perjalanan dan perbelanjaan
- Pengukuran, pengujian produk dan rekod prestasi
- Pelanggan dan rekod pembekal
- Rekod reka bentuk dan kejuruteraan
- Deklarasi dan rekod eksport dan import
- Rekod perakaunan projek

Buku kira-kira dan rekod yang jujur dan tepat memainkan peranan penting dalam reputasi Syarikat kita. Oleh sebab itu, kita tidak boleh membuat pengakuan palsu atau mengelirukan pada mana-mana dokumen Syarikat.

Transaksi Syarikat kita akan dilaksanakan hanya menurut kebenaran umum atau khusus pengurusan. See our [Dasar Perwakilan Kuasa](#) dan [Jadual Kelulusan Eksekutif](#) untuk mendapatkan maklumat lanjut.

BAGAIMANA JIKA?

Saya sedang mengusahakan projek kontrak kerajaan dan saya memerlukan kelulusan pengurus saya untuk jadual waktu mingguan saya, tetapi pengurus saya sedang bercuti. Bolehkah saya meluluskan helaian masa saya bagi pihak pengurus saya?

Tidak. Meluluskan jadual waktu anda sendiri mewakili konflik pengasingan tugas dan membahayakan kawalan pengurusan. Pengurus anda harus memastikan delegasi yang sesuai dengan tugas kelulusannya.

Saya perlu memproses pesanan belian bagi jumlah yang memerlukan kelulusan eksekutif kanan. Bolehkah saya membahagikan invois untuk melalui sistem dengan cepat?

Tidak. Semua transaksi mesti dilaksanakan mengikut Jadual Kelulusan Eksekutif dan hendaklah mencerminkan sifat perniagaan itu. Anda tidak boleh membahagikan pesanan pembelian.

Saya membantu membangunkan teknologi baharu untuk pesawat tentera. Honeywell mesti mengesahkan kepada pelanggan bahawa teknologi baharu itu memenuhi standard teknikal yang diperlukan. Bolehkah saya memperakui kepada pelanggan sebelum menyelesaikan kerja untuk memastikan teknologi memenuhi piawaian yang diperlukan?

Tidak. Setiap pernyataan Honeywell mestilah tepat pada masa ia dibuat. Ini termasuk memperakui pematuhan kepada piawaian teknikal tertentu.

Pengurus akaun sedang berusaha keras untuk mencapai sasaran hasil suku akhir mereka. Mereka mempunyai pesanan akan datang, tetapi pelanggan belum bersedia untuk penghantaran lagi. Adakah mereka boleh mengebil pelanggan dan menahan penghantaran sehingga pelanggan bersedia untuk menerimanya bagi tujuan pengiktirafan hasil?

Tidak. Transaksi yang hasilnya diiktiraf Honeywell selepas jualan, tetapi produk masih berada dalam pemilikan fizikal Honeywell (iaitu, "bil dan tahan") kadangkala boleh dianggap sah. Tetapi dalam kes ini, pengurus akaun mahu mengebil pelanggan tanpa penghantaran untuk menaikkan pendapatan, ialah tindakan yang tidak sesuai.

PENDEDAHAN KEWANGAN DAN PENIPUAN

Kita yang mempunyai tanggungjawab kewangan dan perakaunan mempunyai tugas khas untuk memastikan bahawa penyata kewangan Syarikat kita adalah benar dan adil. Memandangkan Honeywell adalah syarikat awam berpangkalan di A.S., kita mesti menyerahkan pelbagai laporan kewangan dan pemfailan lain kepada autoriti kawal selia A.S. Adalah kritikal bahawa dokumen ini tepat dan dihasilkan tepat pada masanya. Oleh itu, jika anda mempunyai tanggungjawab yang berkaitan, anda mesti mematuhi keperluan undang-undang dan kawal selia yang mentadbir laporan ini. Anda juga mesti mengetahui dan mengikuti kawalan dalam Honeywell yang mentadbir perkara yang sama. Rekod atau laporan yang tidak tepat, tidak lengkap atau lewat mungkin menyebabkan liabiliti undang-undang untuk Syarikat dan untuk mereka yang terlibat.

Sesiapa yang didapati telah terlibat dalam penipuan kewangan akan tertakluk pada tindakan disiplin dan boleh menghadapi liabiliti sivil dan jenayah. Anda mesti melaporkan sebarang ketidaksekitaan perakaunan dan pengauditan dengan segera. Honeywell tidak akan toleransi tindakan balas terhadap anda kerana mendedahkan, dalam niat baik, hal perakaunan atau kewangan yang boleh dipersoalkan atau tidak wajar.

ANTI-PENGUBAHAN WANG HARAM

Pengubahan wang haram ialah proses mengubah aset (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, dana atau hasil) aktiviti jenayah kepada aset yang kelihatan sah dan boleh dipindahkan melalui sistem kewangan tanpa syak wasangka. Adalah penting untuk ambil perhatian bahawa amalan ini tidak terhad kepada transaksi tunai. Transaksi perdagangan komersil yang kompleks mungkin menyembunyikan pembiayaan untuk aktiviti jenayah seperti keganasan, perdagangan narkotik haram, rasuah dan penipuan. Penglibatan dalam aktiviti sedemikian menjejaskan integriti kita, merosakkan reputasi kita dan boleh mendedahkan Honeywell dan individu kepada sekatan yang teruk.

Syarikat kami melarang terlibat secara sedar dalam transaksi yang memudahkan pengubahan wang haram. Kami mengambil langkah afirmatif untuk mengesan dan mencegah terlibat dalam transaksi dengan rakan niaga yang tidak bereputasi dan/atau mengambil bahagian dalam transaksi dan pembayaran komersial yang mencurigakan atau menyalahi undang-undang. Honeywell komited untuk mematuhi undang-undang anti-pengubahan wang haram di seluruh dunia dan akan menjalankan perniagaan hanya dengan pihak yang dibenarkan terlibat dalam aktiviti dan transaksi perniagaan yang sah.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut, sila semak [Dasar Antipengubahan Wang Haram.](#)

AUDIT DAN SIASATAN

Kita semua berkongsi tanggungjawab untuk bekerjasama dengan audit dan penyiasatan luaran dan dalaman. Ini bermaksud kita mesti menyediakan maklumat kepada pengaudit dan penyiasat yang mereka layak peroleh dan mengekalkan kerahsiaan penyiasatan. Selain itu, kita tidak boleh cuba mengganggu atau mempengaruhi secara tidak wajar semakan mereka. Keengganan atau kegagalan untuk bekerjasama sepenuhnya dengan bahagian dalaman Honeywell atau penyiasatan kerajaan, atau kegagalan untuk menjadi benar-benar telus apabila memberikan bukti atau testimoni dalam siasatan sedemikian boleh menyebabkan dikenakan tindakan disiplin sehingga ke tahap penamatan kerja. Jika anda mempunyai sebarang soalan mengenai maklumat yang auditor atau penyiasat meminta dan layak peroleh, berbincang dengan Jabatan Undang-Undang atau Audit Korporat. Jika dihubungi mengenai siasatan kerajaan, anda mesti menghubungi Jabatan Undang-Undang secepat mungkin sebelum mengambil tindakan lanjut. Jabatan Undang-undang akan mempunyai pengawasan utama ke atas apa-apa siasatan dalaman atau audit yang melibatkan siasatan kerajaan atau perkara litigasi.

PENGURUSAN REKOD

Adalah menjadi tanggungjawab bersama kami untuk mengekalkan rekod perniagaan Honeywell selagi diperlukan untuk tujuan perniagaan atau lebih lama, jika dikehendaki oleh undang-undang, cukai, kawal selia atau piawaian lain. Selain itu, kita perlu mengetahui masa dan cara untuk memusnahkan rekod perniagaan ini dengan sesuai. Pekerja mesti mematuhi semua peraturan yang ditetapkan dalam [Dasar Pengurusan Rekod](#). [Dasar Pengurusan Rekod](#) termasuk Jadual Penyimpanan Rekod, yang menyediakan panduan berkenaan jangka masa pelbagai rekod harus disimpan. Honeywell menggalakkan pekerja untuk menyemak rekod mereka secara tetap dan melupuskan dokumen lama menurut [Dasar Pengurusan Rekod](#). Pelupusan dokumen yang mematuhi Dasar kita membantu mengurangkan kos penyimpanan rekod, tetapi adalah penting untuk berbuat demikian mengikut peraturan pemusnahan dokumen.

Jika anda tahu bahawa dokumen dalam kawalan anda mungkin relevan dengan dakwaan undang-undang atau siasatan kerajaan, jangan ubah, lindungi atau musnahkan. Dalam sesetengah kes, Jabatan Undang-Undang mungkin mengarahkan anda untuk mengekalkan dokumen tertentu yang mungkin dimusnahkan di bawah [Dasar Pengurusan Rekod](#) Honeywell. Dalam kes sedemikian, anda hendaklah mengikuti arahan yang disediakan oleh Jabatan Undang-Undang.

Mel undang-undang dan perniagaan yang sensitif masa dan penting serta bentuk surat-

menyurat lain boleh diterima oleh Honeywell di mana-mana pejabatnya di seluruh dunia. Semua pekerja Honeywell mesti mengambil langkah untuk membuka, menyemak dan memproses semua surat-menyurat tepat pada masanya, tanpa mengira kaedah penghantaran. Jika anda menyedari sebarang prosiding atau penyiasatan undang-undang sebenar atau berpotensi yang melibatkan Honeywell, anda mesti segera memberitahu ahli Jabatan Undang-undang, dan anda mesti berbuat demikian sebelum terlibat dengan pihak ketiga mengenai perkara yang sama.

PETUA

Jika anda menerima sebarang jenis notis undang-undang melalui mel Syarikat, e-mel atau apa-apa cara komunikasi lain, anda mesti melaporkan perkara itu dengan segera kepada Jabatan Undang-undang dan/atau pengurus anda untuk perhatian segera.

PERTANYAAN DARIPADA MEDIA DAN PENGANALISIS SERTA ACARA UCAPAN LUAR

Kita berusaha untuk memberi maklumat yang jelas dan tepat kepada media, penganalisis kewangan dan orang awam. Ini membantu kita mengekalkan integriti dalam perhubungan kita dengan pemegang amanah luaran, yang sebaliknya mengukuhkan reputasi korporat kita. Memandangkan maklumat yang tepat sangat penting, hanya individu tertentu dibenarkan berkomunikasi dengan media, penganalisis

kewangan dan ahli komuniti pelaburan bagi pihak Honeywell. Jika anda menerima permintaan untuk maklumat daripada media, majukannya kepada Komunikasi Korporat. Jika anda menerima permintaan daripada penganalisis kewangan atau ahli komuniti pelaburan, jangan balas sendiri, sebaliknya, majukan permintaan itu kepada Perhubungan Pelabur untuk dikendalikan.

Mana-mana pekerja Honeywell yang ingin menyampaikan produk, sistem, kaedah operasi Honeywell,

penyelidikan, atau kerja mereka sendiri di persidangan industri atau acara lain mesti mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada penyelia langsung mereka dan Jabatan Undang-undang. Pembentangan mestilah (i) selaras dengan piawaian jenama semasa Syarikat; (ii) konsisten dengan mesej Perhubungan Pelabur Syarikat; (iii) konsisten dengan strategi Syarikat; dan (iv) tidak memberikan maklumat sulit atau hak milik. Kelulusan tambahan diperlukan untuk pembentangan yang berkaitan dengan keselamatan siber atau alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG).

Untuk mendapatkan maklumat lanjut, sila lihat

[Dasar Komunikasi Luaran](#)

ONE HONEYWELL CARA KIRA MENYANTUNI KOMUNITI KITA DAN DUNIA

Untuk berkembang sebagai sebuah Syarikat, kita mesti berusaha untuk memberi kesan positif kepada komuniti yang menyokong kita. Kita mesti berusaha untuk menghormati dan melindungi bukan sahaja komuniti tempat kita tinggal dan bekerja, tetapi juga planet kita dan penduduknya.




MELINDUNGI ALAM SEKITAR

Kami komited terhadap kesihatan, keselamatan dan alam sekitar serta pertimbangan sosial dalam komuniti tempat kami beroperasi. Sebagai sebahagian daripada komitmen ini:

- Kita meminimumkan jejak alam sekitar operasi kita menerusi pencegahan penyakit, kecederaan dan pencemaran.
- Kita secara aktif menggalakkan dan membangunkan peluang untuk mengembangkan profil kelestarian kita dengan meningkatkan kecekapan tenaga, bahan api dan air, meningkatkan sekuriti dan keselamatan dan mengurangkan pengeluaran bahan cemar berbahaya.
- Kita komited terhadap pematuan dengan semua keperluan kesihatan, keselamatan, alam sekitar dan undang-undang di mana-mana sahaja kita beroperasi.
- Komitmen kita terhadap kesihatan, keselamatan dan alam sekitar adalah aspek integral terhadap reka bentuk produk, proses dan perkhidmatan dan pengurusan kitar hayat produk kita.
- Sistem pengurusan kita menggunakan standard global yang menyediakan perlindungan kepada kesihatan manusia dan alam sekitar semasa situasi biasa dan kecemasan.

- Kita mengenal pasti, mengawal dan berusaha untuk mengurangkan bahaya dan risiko yang berkaitan (kepada pekerja dan kontraktor), pengeluaran, sisa dan penggunaan sumber seperti tenaga dan air secara tidak cekap.
- Kita terbuka dengan pemegang amanah dan berusaha dalam komuniti kita untuk melanjutkan undang-undang, peraturan dan amalan yang melindungi orang awam.
- Kita mematuhi standard ketat Syarikat kita sendiri dalam keadaan di mana undang-undang tempatan adalah kurang ketat.
- Kepimpinan kanan kita dan pekerja individu terlibat dalam aspek kesihatan, keselamatan dan alam sekitar serta bertanggungjawab bagi peranan mereka memenuhi komitmen kita.
- Kita mengukur dan menyemak secara berkala kemajuan kita dan berusaha untuk peningkatan berterusan.

Jika anda mempunyai kebimbangan mengenai kesihatan, keselamatan atau persekitaran tempat kerja, sila hubungi penyelia tempatan anda, ahli fungsi Kesihatan, Keselamatan, Alam Sekitar, Pengawasan dan Kelestarian produk atau lawati [tapak web HSE](#).



MENGHORMATI HAK ASASI MANUSIA

Di Honeywell, kita komited untuk menyokong hak asasi manusia dan tempat kerja dalam operasi global dan rantai bekalan kita. Kami percaya bahawa pekerja harus dilayan dengan adil, bermaruah dan dihormati dan kita berusaha untuk memastikan setiap pekerja mempunyai suara di tempat kerja kita. Komitmen ini berdasarkan prinsip hak asasi manusia antarabangsa yang telah dicadangkan oleh organisasi bebas, seperti Prinsip Panduan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia, Sepuluh Prinsip Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Deklarasi Pertubuhan Buruh Antarabangsa mengenai Prinsip dan Hak Asas di Tempat Kerja dan semua undang-undang yang terpakai bagi bidang kuasa tempat kita beroperasi.

Tatakelakuan kita dan [Dasar Hak Asasi Manusia](#) kita bersama-sama dengan dasar Honeywell yang lain, mewujudkan amalan dan standard yang merangkumi pelbagai isu hak asasi manusia dan tempat kerja, seperti Keterangkuman dan Pemikiran Global, Budaya Saling Menghormati di Tempat Kerja, Kebebasan Berpersatuan, Tempat Kerja yang Selamat dan Sihat, Keselamatan di Tempat Kerja, Waktu Bekerja dan Upah, Buruh Paksa dan Pemerdagangan Manusia serta Buruh Kanak-Kanak. Honeywell menghormati dan menghargai kepelbagaian yang tercermin dalam latar belakang, pengalaman dan idea kita yang pelbagai. Bersama-sama, kami menyediakan persekitaran kerja inklusif yang memupuk rasa hormat terhadap semua rakan sekerja dan rakan

kongsi perniagaan kami. Rujuk pada seksyen yang bertajuk “Menghormati Satu Sama Lain dan Mempromosikan Tempat Kerja Positif” untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Syarikat Kita tidak menggalakkan atau mengambil kerja buruh kanak-kanak. Di Honeywell, kita tidak akan mengambil kerja sesiapa pun di bawah umur enam belas, walaupun jika dibenarkan oleh undang-undang tempatan. Jika undang-undang tempatan adalah lebih ketat berbanding dasar Syarikat, kita akan mematuhi undang-undang tersebut. Di samping itu, kita tidak akan menggunakan buruh paksa, buruh terikat atau buruh tanpa kerelaan dalam mana-mana operasi kita dan kita tidak akan bertolak ansur terhadap eksploitasi kanak-kanak, hukuman fizikal atau penderaan. Sebagai sebahagian daripada komitmen kita kepada komuniti dan dunia kita, Honeywell tidak akan bertolak ansur dengan sebarang keadaan pemerdagangan manusia atau buruh paksa lain. Kita juga tidak akan sekali-kali menjalankan perniagaan dengan mana-mana pihak ketiga (seperti ejen atau pembekal) yang terlibat dalam pemerdagangan orang atau buruh paksa. Honeywell telah menerima pakai Tatakelakuan Pembekal yang memberikan jangkaan yang jelas kepada para pembekal untuk memastikan mereka memperlakukan pekerja mereka dengan bermaruah dan hormat.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut, sila lihat

[Dasar Hak Asasi Manusia](#)



MEMBUAT SUMBANGAN POLITIK DAN AMAL

Syarikat kita memahami pelbagai cara proses politik memperkayakan komuniti kita. Kebebasan kepercayaan dan perasaan hati merupakan hak asas dan kita bebas untuk menyampaikan pendapat kita secara lisan, bertulis atau dalam bentuk grafik tanpa ancaman penapisan. Walau bagaimanapun, apabila kita menyertai aktiviti sedemikian, kita hendaklah melakukannya pada masa kita sendiri, pada perbelanjaan kita sendiri dan memastikan bahawa aktiviti kita tidak berkonflik dengan Tataniaga.

Kita tidak boleh menggunakan harta Honeywell untuk aktiviti politik peribadi. Selain itu, kita tidak boleh terlibat langsung dalam sebarang aktiviti politik bagi pihak Honeywell, melainkan dibenarkan oleh fungsi Perhubungan Kerajaan. Jangan langsung paksa rakan sekerja, terutamanya mereka yang anda mempunyai perhubungan melapor, untuk menyokong aktiviti khusus anda.

Sebagai warganegara berkepentingan, pekerja Honeywell bebas untuk membuat sumbangan peribadi kepada calon pilihan mereka. Pekerja yang menjadi warganegara A.S. atau penduduk tetap berpangkalan di A.S. layak untuk mengambil bahagian dalam Honeywell International Political Action Committee (HIPAC) jika mereka memenuhi keperluan undang-undang tertentu. Untuk menentukan jika anda layak untuk mengambil bahagian dalam HIPAC, hubungi fungsi Perhubungan Kerajaan atau ketua peguam unit perniagaan anda.

Aktiviti melobi dikawal selia dengan rapi. Oleh itu, kita tidak boleh membuat sebarang perhubungan dengan pegawai kerajaan dalam percubaan untuk mempengaruhi perundangan, kawal selia, dasar atau tindakan kerajaan yang lain bagi pihak Honeywell tanpa kebenaran daripada fungsi Perhubungan Kerajaan. Untuk mendapatkan maklumat lanjut, sila lihat [Dasar Perhubungan Kerajaan kami](#).

Honeywell komited terhadap tanggungjawab sosial dalam setiap langkah aktiviti Syarikat. Syarikat kita sering menyokong aktiviti kebajikan dalam komuniti tempatan kita. Honeywell mungkin terlibat dalam aktiviti kebajikan sedemikian, asalkan aktiviti kebajikan tersebut telah diluluskan oleh pengurusan, Jabatan Undang-Undang atau Honeywell Hometown Solutions.

Anda tidak boleh menghantar e-mel dalam percubaan untuk mengutip wang untuk kebajikan yang tidak diluluskan atau sebarang kutipan dana lain dalam jaringan Honeywell. Di samping itu, anda tidak boleh menggunakan aset Honeywell, termasuk masa Syarikat, untuk usaha amal peribadi.



KAWALAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA

Honeywell komited untuk mematuhi semua undang-undang perdagangan yang berkenaan. Ini termasuk kawalan import dan eksport, perdagangan, sekatan dan undang-undang Antiboikot serta peraturan dalam negara yang Syarikat kita menjalankan perniagaan.

Mereka daripada kita yang berurusan dengan pengimportan barangan dan item dikawal eksport, teknologi dan perkhidmatan mempunyai kewajipan untuk memahami dan mematuhi peraturan yang berkenaan. Ini termasuk undang-undang import dan eksport, sekatan perdagangan, pelan kawalan teknologi, syarat dan peruntukan kebenaran lesen eksport yang mungkin dikenakan kepada perniagaan atau kemudahan tertentu.

UNDANG-UNDANG KAWALAN EKSPORT

Undang-undang kawalan eksport mengawal pemindahan barangan, perkhidmatan dan teknologi dari satu negara ke negara lain. Kawalan eksport mentadbir banyak jenis pertukaran teknologi atau maklumat teknikal merentasi sempadan antarabangsa, termasuk akses penghantaran e-mel kepada pelayan berlainan yang mungkin mengandungi data teknikal yang dikawal eksport serta perbincangan teknikal. Undang-undang dan peraturan eksport A.S. juga mengawal penghantaran dan/atau perkongsian (secara elektronik, lisan atau visual) data teknikal yang dikawal eksport kepada individu bukan warganegara A.S. dalam Amerika Syarikat.



UNDANG-UNDANG KAWALAN IMPORT

Undang-undang dan peraturan import mengawal pengimportan barangan. Undang-undang sedemikian memastikan bahawa hanya barangan yang dibenarkan, memasuki negara pengimport dan jumlah duti dan cukai yang betul dibayar untuk barangan tersebut. Honeywell mesti mengekalkan, antara lain, maklumat yang tepat tentang komoditi/tatanama, nilai komersial dan negara asal semua barangan yang diimport.

UNDANG-UNDANG SEKATAN


Undang-undang dan peraturan sekatan perdagangan mentadbir pelbagai langkah politik dan/atau ekonomi yang menghadkan dan/atau melarang transaksi dengan negara/bidang kuasa, entiti, industri, individu dan pesawat/kapal tertentu. Terdapat variasi yang luas dalam jenis sekatan yang mungkin berkenaan bagi transaksi tertentu, termasuk tetapi tidak terhad kepada: sekatan menyeluruh ke atas negara/bidang kuasa tertentu larangan terpilih ke atas entiti, individu dan pesawat/kapal; dan/atau sekatan terpilih ke atas aktiviti atau pembiayaan transaksi. Honeywell mesti mengambil kira implikasi sekatan perdagangan apabila menjalinkan sebarang hubungan dengan pihak ketiga.

ANTIBOIKOT

Undang-undang antiboikot A.S. melarang individu dan entiti daripada mengambil bahagian dalam boikot yang tidak disokong oleh A.S. Undang-undang antiboikot membantu menghalang syarikat A.S. daripada digunakan untuk melaksanakan dasar luar negara lain yang bertentangan dengan dasar A.S. Honeywell tidak bekerjasama dengan boikot asing yang tidak diluluskan oleh kerajaan A.S. Jika kami menerima permintaan yang berkaitan dengan sebarang boikot, kami tidak boleh respons kepada permintaan tersebut dan segera melaporkan permintaan tersebut kepada Antiboycott@Honeywell.com untuk tindakan, termasuk sebarang pelaporan yang diperlukan.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang Kawalan Perdagangan Antarabangsa, sila lihat

[Dasar Pematuhan Eksport](#), [Pematuhan Import](#) dan [Pematuhan Sekatan](#) dan [Antiboikot](#) untuk mendapatkan maklumat lanjut.



PENEPIAN TATAKELAKUAN KITA

Dalam keadaan yang sangat terhad, Honeywell mungkin mendapati wajar untuk mengetepikan peruntukan Kod kami. Kelulusan sebarang tindakan yang tidak mematuhi Tataniaga ini mesti diperoleh terlebih dahulu dan hanya boleh diberikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif atau Naib Presiden Kanan & Ketua Peguam Honeywell. Semua penepian untuk ahli Lembaga Pengarah atau untuk pegawai eksekutif Honeywell memerlukan prakelulusan daripada Lembaga Pengarah dan akan didedahkan apabila diperlukan oleh peraturan atau undang-undang. Apabila penepian diberikan, Lembaga hendaklah memastikan bahawa kawalan yang bersesuaian disediakan untuk melindungi Syarikat dan pemilik sahamnya.



Honeywell International Inc.

855 S. Mint Street
Charlotte, NC 28202
www.honeywell.com

Dikemaskini Ogos 2025
© 2025 Honeywell International Inc.

Honeywell